

KUALA LANGAT. SEPANG

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT, SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6660920/ 019-3371066

Terima tetamu tak diundang

Penduduk terkejut nampak ular tedung ketika masuk kereta



Anggota APM yang membantu menangkap ular tedung di kawasan perumahan Jalan Palas, Taman Dato Hormat, kelmarin.

TELOK PANGLIMA GARANG - Dalam keadaan penduduk masih bimbang dengan kedatangan ular sawa di kawasan perumahan Jalan Palas, Taman Dato Hormat, kurang seminggu lalu, mereka dikejutkan pula dengan kehadiran ular tedung, kelmarin.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Palas Taman Dato' Hormat, Ahmad Nazli A Manaf berkata, dalam kejadian kira-kira jam 2.22 petang itu, seorang wanita terkejut apabila melihat ular tedung yang cuba menghampirinya ketika hendak masuk kereta.

Menurutnya, seorang penduduk, Jainuddin Katam, 50, menghubunginya supaya meminta bantuan Angkatan

Pertahanan Awam (APM).

Beliau berkata, pihak APM meminta anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di kawasan itu memantau pergerakan ular tedung tersebut supaya ia tidak terlepas sementara menunggu anggotanya sampai. Jelasnya, APM tiba di lokasi kira-kira jam 3.05 petang dan menangkap ular tersebut menggunakan dua peralatan khas dalam masa 10 minit.

"Tedung sepanjang enam kaki dengan berat empat hingga lima kilogram yang menyorok dalam lubang paip dinding longkang, berjaya ditangkap APM dan dibawa ke Jabatan Perhilitan," katanya.

Ahmad Nazli berkata, ber-



ikutan kejadian sama berulang, beliau menghubungi Ahli Majlis, Zon 5, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Ab Rahman Amir, untuk mengambil langkah sewajarnya ke atas kawasan kebun terbiar kerana membahayakan penduduk di situ.

Menurutnya, beliau bimbang reptilia itu mengganggu penduduk sehingga berlaku kejadian tidak diingini.

"Saya pasti, isu sama mungkin berulang kerana ada penduduk bagi tahu nampak kelibat ular tedung kira-kira jam 7.15 malamnya pula," katanya.



KLiK pilihan

RASMI Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi hadir merasmikan Bengkel Kajian Perancangan Fizikal Desa Negeri Selangor di Dewan Sri Jugra, kelmarin.